

19 JAN 1998

Mohamed-Sabah (bergambar)

SELESAIKAN MASALAH MELALUI SALURAN PARTI

KOTA KINABALU, 19 Jan (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Datuk Mohamed Rahmat mengingatkan anggota komponen BN Sabah agar menyelesaikan sebarang masalah atau percanggahan pendapat melalui saluran parti atau kerajaan dan bukan melalui akhbar.

"Jangan timbulkan perkara yang boleh menjejaskan imej parti dan kerajaan. BN ini satu keluarga, dan kesejahteraan keluarga hendaklah dijaga bersama setiap masa," katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat BN negeri di sini hari ini.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata BN pusat berpuashati dengan prestasi kepimpinan BN negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, dan mahu melihat kekuatan sekarang diperkukuhkan lagi.

"Kita faham bahawa tidak semua anggota keluarga mempunyai pandangan yang sama tetapi jika ada masalah keluarga kita selesaikanlah dalam keluarga. Jangan kita timbulkan isu di luar keluarga.

"Kalau ada juga perkara yang tidak menyenangkan hati mana-mana pihak, maka gunakanlah saluran parti dengan sebaik-baiknya supaya sebarang masalah yang timbul boleh ditimbang dan diselesaikan dari sudut parti," katanya.

Kebelakangan ini, ada anggota BN yang melahirkan rasa tidak puas hati terhadap kepimpinan di negeri ini berhubung beberapa isu membabitkan balak dan pembelian saham.

Pada sidang berita itu, Mohamed berkata: "Jika sesuatu masalah itu memerlukan penjelasan atau perbincangan dengan kerajaan, maka saya fikir kerajaan Sabah di bawah pimpinan Yong sentiasa bersedia menerima pelbagai pandangan, malahan pelbagai kritikan, dalam hendak menentukan bahawa segala urusan yang dibuat oleh kerajaan negeri adalah keputusan yang bijak."

Beliau mengingatkan komponen BN bahawa sebarang keputusan kerajaan adalah keputusan BN dan tak wajar keputusan-keputusan itu dipertikaikan.

Kalau ini berlaku, katanya, bererti bahawa pemimpin-pemimpin di Sabah belum menghayati sepenuhnya konsep BN itu sendiri.

"Oleh demikian saya nasihatkan para pemimpin BN pelbagai peringkat di Sabah ini... jika ada masalah, jangan pergi kepada akhbar kerana akhbar tidak boleh menyelesaikan masalah. Akhbar akan hanya menimbulkan lebih banyak masalah," katanya.

Mengenai pilihan raya, Mohamed berkata BN bekerja seolah-olah pilihan raya akan diadakan esok.

"Saya yakin matlamat BN untuk kekalkan kuasa di Sabah akan tercapai tanpa mengira siapa yang akan memimpin kerajaan negeri. Setakat ini dasar penggiliran (jawatan ketua menteri di kalangan masyarakat Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina) juga masih berkuatkuasa," katanya.

Selain Yang, yang turut hadir hari ini ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Pada awal sidang media, Mohamed mengumumkan nama dan menyampaikan surat pelantikan kepada 20 pengerusi BN bahagian yang hampir kesemuanya muka lama kecuali bagi kawasan Kinabalu yang kini diketuai Tan Sri Kasitah Gaddam menggantikan Datuk Mark Koding yang berehat daripada politik kerana melanjutkan pengajian agama Kristian di Australia.

Beliau juga mengumumkan bahawa Konvensyen BN Sabah akan diadakan di sini pada 20 Feb ini dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.-- BERNAMA

KG MAI

